

Bil. S 1

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PIHAK BERKUASA INDUSTRI TEKNOLOGI INFO-KOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (PINDAAN), 2026

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan dari S 14/2002
 3. Peruntukan perkecualian dan peralihan
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PIHAK BERKUASA INDUSTRI TEKNOLOGI INFO-KOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (PINDAAN), 2026

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2026.

Pindaan dari S 14/2002

2. Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam, 2001 adalah dipinda —

(a) dengan memotong "Pihak Berkuasa" di mana jua perkataan itu terdapat dan menggantikannya dengan "Autoriti";

(b) dengan memotong "Info-komunikasi Negara" di mana jua perkataan itu terdapat dan menggantikannya dengan "Infokomunikasi".

Peruntukan perkecualian dan peralihan

3. (1) Apa-apa hak, manfaat, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperoleh, terakru atau ditanggung, atau apa-apa perbuatan atau hal yang dilakukan atau dikehendaki untuk dilakukan, tidak akan terjejas oleh Perintah ini dan hendaklah terus sah dan dilaksanakan seolah-olah Perintah ini tidak dibuat.

(2) Perintah ini tidak akan menjejaskan apa-apa siasatan, penyiasatan atau prosiding yang dimulakan atau belum selesai sebelum mula berkuat kuasanya Perintah ini dan setiap siasatan, penyiasatan atau prosiding boleh diteruskan dan diuruskan seolah-olah Perintah ini tidak dibuat.

(3) Setakat mana yang perlu bagi memelihara kuat kuasa sebarang undang-undang bertulis atau dokumen, apa-apa sebutan dalam undang-undang bertulis atau dokumen kepada Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam hendaklah, mulai dari mula berkuat kuasanya Perintah ini, ditafsirkan sebagai sebutan kepada Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1447 bersamaan dengan 10 haribulan Januari, 2026 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN.
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**